

**ARAHAN DAN TATACARA PERMOHONAN BADAN-BADAN SUKARELA UNTUK MENGAGIHKAN BANTUAN BARANG-BARANG MAKANAN KEPADA PENDUDUK-PENDUDUK YANG TERJEJAS AKIBAT PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DALAM TEMPOH SEKATAN PERGERAKAN PENUH (TLD).**

Dalam tempoh Sekatan Pergerakan Penuh (TLD) ini PDTKlang ada banyak menerima permohonan untuk penyerahan bantuan kepada pihak yang terjejas. PDTKlang faham dan jelas akan hasrat badan-badan sukarela untuk membantu golongan yang terkesan akibat pelaksanaan perintah ini.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan tujuan utama Kerajaan mengadakan arahan ini iaitu untuk mengurangkan pergerakan orang awam bagi membantu melandaikan keluk kadar jangkitan wabak COVID-19, pihak-pihak yang ingin memohon kebenaran utk pelaksanaan bantuan kepada penerima yang terjejas akibat PKP, sila patuhi tatacara berikut:

1. Dalam tempoh TLD ini pemohon perlu mengemukakan permohonan yang lengkap (surat iringan dan borang permohonan yang keluarkan oleh pihak NADMA) melalui emel: G\_PDK\_BENCANA@selangor.gov.my dan disalinkan ke kpdklangutara@rmp.gov.my ; kpdklangs@rmp.gov.my dan kpdsa@rmp.gov.my
2. Pastikan permohonan tersebut lengkap disertakan dengan maklumat penerima-penerima bantuan seperti berikut:
  - a. Nama penerima bantuan;
  - b. Alamat penerima bantuan; dan
  - c. Justifikasi bantuan diberikan kepada setiap penerima.

Helaian/borang maklumat a,b,c tersebut tidak disediakan oleh pihak urus setia Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) Klang. Ia hendaklah disediakan oleh pihak pemohon sendiri;

3. Pastikan maklumat pengelola sumbangan (nama penuh, no. K/P, nombor telefon bimbit dan alamat e-mel) dinyatakan dalam surat iringan agar mudah untuk pihak urus setia (JPBD) Klang atau pihak PDRM menghubungi semula sekiranya memerlukan maklumat tambahan;
4. Permohonan yang lengkap berserta surat iringan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya lima (5) hari bekerja sebelum tarikh agihan bantuan. Permohonan lengkap yang diterima lewat dari tempoh yang dinyatakan, pihak urus setia (JPBD) Klang tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan pengeluaran surat kebenaran JPBD kepada pihak pemohon. Pihak urus setia (JPBD) Klang hanya akan menerima permohonan yang lengkap untuk diproses ke peringkat seterusnya.

Bagi mengurangkan kadar risiko jangkitan dan pergerakkan masyarakat serta memastikan pihak pengajur mematuhi SOP, **surat kebenaran JPBD hanya akan dikeluarkan setelah pihak PDRM membuat temu siasat dengan pihak pengajur / pengelola bantuan.** Oleh yang demikian tempoh pengeluaran surat kebenaran JPBD akan mengambil masa bergantung kepada ulasan pihak PDRM atau lain-lain agensi yang terbabit. Pertimbangan kebenaran oleh JPBD Klang adalah berdasarkan temu siasat dan penilaian pihak PDRM serta penilaian agensi-agensi lain yang terlibat (sekiranya berkaitan).

Marilah sama-sama kita memerangi pandemik ini.

Sekian.

**Arahan Setiausaha  
Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Klang  
3 Jun 2021.**